

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

STW211 - Pengantar Kerja Sosial

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

- (a) Soalan Bahagian A merupakan soalan WAJIB.
- (b) Jawab DUA daripada lima soalan di dalam Bahagian B.

Bahagian A (Soalan ini WAJIB dijawab).

Beri maksud istilah-istilah berikut dengan jitu dan ringkas:

1. Mentaliti utopia
2. Kefungsian sosial
3. Altruisme
4. Falsafah
5. Nilai
6. Humanisme
7. Positivisme
8. Profesionalisme
9. Persekitaran
10. Etika
11. *Horizontal affiliation*
12. *Vertical affiliation*
13. Ilmu sekular
14. Negara kebajikan
15. *Social betterment*

[50 markah]

Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja).

1. Salah satu kritikan terhadap Model Psychodynamic ialah ia berasaskan budaya Yahudi Vienna. Apakah sebab kritikan ini berlaku, dan apakah implikasinya terhadap rakyat negara kita sekiranya model ini digunakan di dalam intervensi sosial.

[25 markah]

2. Mengikut Morales di dalam bukunya terdapat tiga tujuan utama bidang Kerja Sosial. Huraikan ketiga-tiga tujuan tersebut.

[25 markah]

3. Terdapat beberapa dilema di dalam bidang Kerja Sosial. Pada pendapat anda dilema yang manakah yang paling rumit untuk diatasi. Beri alasan-alasan kepada jawapan anda.

[25 markah]

4. Apabila memberi perkhidmatan sosial kepada manusia sudah tentu terdapat percanggahan nilai di antara pekerja sosial dan klien. Sekiranya anda berhadapan dengan kes yang melibatkan individu gay atau lesbian, apakah dilema yang mungkin anda hadapi di sini dan bagaimanakah anda cuba mengatasi masalah tersebut. Bincangkan.

[25 markah]

5. Di dalam bidang Kerja Sosial terdapat dua perspektif - Rawatan Sosial dan Pembangunan Sosial. Jelaskan persamaan dan perbezaan antara kedua-dua perspektif tersebut.

[25 markah]